

Keuntungan MSM Melonjak 33.2 %



MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), pengeluar gula bertapis terbesar negara, telah merekodkan lonjakan keuntungan selepas cukai sebanyak 33.2% kepada RM63.87 juta pada suku ketiga 2015 berbanding RM47.96 juta pada suku sama tahun lalu.

Keuntungan sebelum cukai pula naik daripada RM64.50 juta kepada RM84.52 juta untuk suku ketiga berbanding suku sama tahun 2015.

Bagi tempoh sembilan bulan pertama berakhir 30 September 2015, keuntungan sebelum cukai Kumpulan memkok 17.1% daripada RM239.50 juta kepada RM280.37 manakala keuntungan selepas cukai naik 17.6% daripada RM182 juta kepada RM214 juta berbanding tempoh sama tahun lepas. Perolehan pula turun 0.6% daripada RM1,643.30 juta kepada RM1,653.42 juta untuk tempoh sama.

Prestasi yang mantap ini disumbangkan oleh inisiatif

mengoptimumkan kos kumpulan secara menyeluruh dan juga hasil daripada mekanisma strategi pasaran hadapan (hedging).

"Ketika industri berdepan dengan situasi mencabar, kami tetap berada di landasan betul untuk mencapai sasaran 2015 dan kekal kukuh untuk 2016. Perancangan agresif untuk meningkatkan penguasaan pasaran telah membantu kami terus menerusi pasaran tempatan dan terus berkembang dengan menerokai pasaran serantau," Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Dato' Sheikh Awab Sheikh Abod.

"Pejabat dagangan baharu di Dubai telah memperoleh kelulusan dan akan memulakan operasi secara rasmi pada 2 Januari 2016. Ini akan meningkatkan tahap kompetitif Kumpulan di pasaran dunia dengan menjadikannya serantau Asia Barat dan rantau Afrika Utara sebagai sasaran utama. Pejabat di Dubai berkenaan juga mempunyai anak syarikat di Jakarta yang akan memulakan operasi pada waktu yang sama.

Fokus utamanya adalah menerokai pasaran Indonesia dan dalam masa yang sama mengintai peluang pelaburan di rantau berkenaan," jelas Dato' Sheikh. MSM kekal menguasai 64% pasaran tempatan walaupun berdepan dengan persekitaran pasaran yang mencabar termasuk pengukuhkan Dolar Amerika dan harga gula mentah dunia. **C**

Media Mengenali MSM Dengan Lebih Dekat

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) peneraju pengeluar gula bertapis terbesar negara telah mengajurkan "Sesi Lawatan Media" selama tiga hari mulai 16 hingga 18 November 2015 di MSM Prai dan MSM Perlis.

Program yang julung kali diadakan itu telah dihadiri oleh 23 orang wakil media dari pelbagai agensi di MSM Prai dan seramai 15 orang wakil media di MSM Perlis.

Lawatan ini bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai latar belakang operasi serta perkembangan yang sedang dilakukan oleh MSM bagi mencapai visi syarikat untuk menjadi antara 10 pengeluar gula bertapis terbaik dunia menjelang tahun 2020.

Dato' Sheikh Awab Sheik Abod, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM berkata, program itu bertujuan menyediakan platform kepada wakil-wakil media untuk



bahan berita dan memberi publisiti kepada MSM secara tidak langsung, justeru kerjasama antara kedua-dua pihak ini perlu dikenalkan.

ini, rombongan media telah diberikan taklimat dan penjelasan serta berpeluang melihat secara langsung operasi pemindahan gula mentah dari kapal, operasi pemprosesan, pembungkusan gula bertapis dan gudang penyimpanan gula di MSM Prai dan MSM Perlis.

Setelah selesai melawat keseluruhan kawasan kilang, wakil-wakil media ini telah diberi kesempatan untuk menemuramah pihak pengurusan tertinggi MSM melalui sesi soal jawab.

Selain daripada itu, wakil-wakil media turut dibawa melawat kawasan penanaman mangga harum manis di MSM Perlis (Bahagian Perladangan). Kehadiran wakil-wakil media ini telah disambut dengan meriah oleh pihak pengurusan MSM Prai dan juga MSM Perlis.

Melalui program sebegini, ianya dapat mewujudkan peluang memahami syarikat dengan jelas bagi penyampaian berita yang lebih tepat dan konsisten.

Media dan MSM saling bergantung untuk mendapatkan

Pada awal lawatan, wakil-wakil media telah diberi penekanan dan taklimat keselamatan yang perlu dititikberatkan sebelum memasuki kawasan kilang di MSM Prai dan MSM Perlis. Melalui sesi lawatan

kerjasama dalam merangka program atau aktiviti bersama MSM dan pihak media pada masa hadapan. **C**